KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## KHAMIS, 13 JULAI 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:
*World Communications*

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



13/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **EKONOMI PENJAGAAN PERLU DIMASUKKAN DALAM PEMBANGUNAN NEGARA - NANCY** | |
| | https://www.astroawani.com/video-malaysia/ekonomi-penjagaan-perlu-dimasukkan-dalam-pembangunan-negara-nancy-x8mgggi | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=CQsSv7po-Ts | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **PEMERKASAAN WANITA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA - LPPKN** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/67183-pemerkasaan-wanita-tanggungjawab-bersama-lppkn | BERITA.RTM.GOV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **STATE MINISTER: ISSUE OF STATELESS SARAWAKIAN AND HER FAMILY CAN BE RESOLVED** | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/07/12/state-minister-issue-of-stateless-sarawakian-and-her-family-can-be-resolved/79333 | MALAYMAIL.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **HANISYA AZUREEN TANGGUH PENGAJIAN UNTUK JAGA IBU DISERANG STROK, ABANG HIDAP SAWAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986883/hanisya-azureen-tangguh-pengajian-untuk-jaga-ibu-diserang-strok-abang-hidap | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1125623/gadis-depresi-tangguh-pengajian-demi-jaga-ibu-terlantar-ahmar-abang | BHARIAN.COM.MY |

13/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **'SETAHUN LEBIH TIDAK TIDUR NYENYAK'** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/267786/edisi/kelantan/setahun-lebih-tidak-tidur-nyenyak | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **GURU TASKA DIDAKWA ABAI KANAK-KANAK AUTISME** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986793/guru-taska-didakwa-abai-kanak-kanak-autisme | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=8iVjkBkA7D0 | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=HElV3NaYnD4 | YOUTUBE |
| | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2205725 | BERNAMA.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/guru-taska-mengaku-tidak-bersalah-abai-anak-asuhan/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guru-taska-mengaku-tidak-bersalah-abai-kanakkanak-lemas-427723 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/267849/video/berita-semasa-video/guru-taska-didakwa-cuai-jaga-kanak-kanak-sehingga-lemas | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/video/?v=69723 | BERNAMA.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1125530/guru-taska-didakwa-abai-kanak-kanak-autisme-hingga-lemas | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **SUHAKAM BERI PERINGATAN UNTUK LEBIH PEKA TERHADAP KESELAMATAN KANAK-KANAK** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/suhakam-beri-peringatan-untuk-lebih-peka-terhadap-keselamatan-kanakkanak-427684 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=9bPriFo6ZWY | YOUTUBE |

13/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **RUMAH ANAK YATIM RAYU SUMBANGAN** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/rumah-anak-yatim-rayu-sumbangan/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **REMAN PELAJAR 14 TAHUN CEKIK ADIK SAMPAI MATI DISAMBUNG** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/12/reman-pelajar-14-tahun-cekik-adik-sampai-mati-disambung/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **PEMBANTU JURULATIH SILAT MENGAKU ROGOL, AMANG SEKSUAL DALAM TANDAS SEKOLAH** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986887/pembantu-jurulatih-silat-mengaku-rogol-amang-seksual-dalam-tandas-sekolah | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **MAHKAMAH TINGGI KEKALKAN KEPUTUSAN BEBASKAN BEKAS PENGETUA PERTUDUHAN AMANG SEKSUAL PELAJAR** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986857/mahkamah-tinggi-kekalkan-keputusan-bebaskan-bekas-pengetua-pertuduhan-amang | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **PUSH BIKE: DAYYAN ADAM ZAFRI IDAM NAIKI PODIUM DI LUAR NEGARA** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/push-bike-dayyan-adam-zafri-idam-naiki-podium-di-luar-negara/ | UTUSAN.COM.MY |

13/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **WANITA TANPA KAKI URUS DIRI SENDIRI** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/wanita-tanpa-kaki-urus-diri-sendiri/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **WANITA DITAHAN PECAH AMANAH WANG TEMPAHAN BATU NISAN** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1125591/wanita-ditahan-pecah-amanah-wang-tempahan-batu-nisan | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **DISKRIMINASI WANITA WUJUD KERANA SISTEM, BUDAYA SESEBUAH NEGARA** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=Z-gB3fDSG_Q | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **1,082 SAMAN KERANA HALANG LALUAN OKU** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/986853/1082-saman-kerana-halang-laluan-oku | HMETRO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/12/1061-saman-halang-laluan-orang-buta-di-brickfields/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=fHWmPnzUgiI | YOUTUBE |

13/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **KETUA POLIS KL 'BUTAKAN MATA' DEMI UJI HALANGAN TERHADAP OKU PENGLIHATAN SEKITAR BRICKFIELDS** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1125580/ketua-polis-kl-butakan-mata-demi-uji-halangan-terhadap-oku | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=t8CV1xStaYI | YOUTUBE |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/267801/edisi/selangor-kl/ketua-polis-kl-selami-kesulitan-oku-penglihatan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/12/mgnews-ketua-polis-kl-kesal-sikap-orang-ramai-halang-laluan-oku-penglihatan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=N9Kmo_mQDV0 | YOUTUBE |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/12/program-santuni-oku-penglihatan-bersama-polis-kl/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/polis-kl-rasai-kehidupan-oku-penglihatan-seru-rakyat-hormati-kemudahan-golongan-itu-JD11219770 | THESUNDAILY.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **BAH MAIL HILANG SEJAK AHAD DICARI KELUARGA** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/12/lelaki-warga-emas-orang-asli-hilang-selepas-keluar-rumah/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **WARGA EMAS MENGAKU TEMBAK MATI LIMA LEMBU CEROBOH KEBUN** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1125645/warga-emas-mengaku-tembak-mati-lima-lembu-ceroboh-kebun | BHARIAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/12/warga-emas-mengaku-salah-tembak-mati-lima-ekor-lembu/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

13/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **PENGGERAK ZIARAH WARGA EMAS LUMPUH** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/penggerak-ziarah-warga-emas-lumpuh/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **DUA IBU TUNGGAL WARGA VIETNAM DIDENDA RM2,000** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/267805/berita/semasa/dua-ibu-tunggal-warga-vietnam-didenda-rm2000 | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1125600/dua-ibu-tunggal-didenda-rm2000-kerana-menyundal | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **IBU TUNGGAL HIDAP TALASEMIA TABAH JAGA TIGA ANAK** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/12/ibu-tunggal-hidap-talasemia-tabah-jaga-tiga-anak/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/ibu-tunggal-pesakit-talasemia-tabah-sara-tiga-anak/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **SEX EDUCATION SHOULD START AT HOME, SAYS MEDICAL EXPERT** | |
| | https://twentytwo13.my/news/sex-education-should-start-at-home-says-medical-expert/ | TWENTYTWO13.MY |

13/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **WANITA MAUT DIBAKAR SUAMI, BERANG DITUDUH AMBIL DADAH JADI PUNCA** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-maut-dibakar-suami-berang-dituduh-ambil-dadah-jadi-punca-427785 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/986943/wanita-maut-dibakar-suami | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | **WANITA DITAHAN, BAYI BERUSIA SETAHUN POSITIF DADAH** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/12/wanita-ditahan-bayi-berusia-setahun-positif-dadah/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/267871/berita/semasa/kanak-kanak-perempuan-22-bulan-positif-dadah | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/12/kanak-kanak-setahun-10-bulan-positif-dadah-angkara-ibu | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 27 | **PINDAAN PERLEMBAGAAN MELIPUTI ISU KANAK-KANAK LAHIR LUAR NEGARA AKAN DIPERSEMBAH KE MAJLIS RAJA-RAJA** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/pindaan-perlembagaan-meliputi-isu-kanak-kanak-lahir-luar-negara-akan-dipersembah-ke-majlis-raja-raja/ | UTUSAN.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 22 MOTOSIKAL HALANG LALUAN SIAR KAKI DISITA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 13 JUL 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 22 motosikal halang laluan siar kaki disita

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita 22 motosikal kerana menghalang laluan siar kaki, laluan orang kelainan upaya (OKU) serta ingkar papan tanda larangan parkir di Jalan P Ramlee dan Jalan Ampang, kelmarin.

Dalam operasi Tindakan Khas Angkut dan Kompaun Kenderaan Buat Halangan Tempat Awam itu, Pegawai Penguatkuasa dan Warden Trafik Jabatan Penguatkuasaan DBKL menyita 22 motosikal sebelum ditunda ke depoh DBKL di Jalan Pahang untuk tindakan lanjut.

DBKL dalam kenyataan di Facebook, berkata menerusi siri tindakan berkala sekitar kawasan tumpuan, mereka turut mengeluarkan 22 notis kompaun kesalahan dan tahanan sementara.

Tindakan penguatkuasaan dilakukan menerusi kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959.

DBKL mengingatkan pengguna jalan raya dan pemilik premis supaya mematuhi peraturan dan isyarat lalu lintas ditetapkan pihak berkuasa dan memastikan kenderaan seperti motosikal dan kereta diletakkan di tempat yang sepatutnya tanpa menghalang dan mengganggu pejalan kaki atau kelancaran lalu lintas.

Sementara itu, dalam satu operasi terhadap peniaga warga asing dan mereka yang membuat halangan awam ketika menjalankan aktiviti perniagaan dilaksanakan di sekitar Wangsa Maju.

DBKL memaklumkan seramai 25 anggota penguat kuasa dan petugas terbabit dalam operasi itu dengan lapan kes sitaan iaitu enam terhadap warga asing dan dua halangan awam diambil.

"Tindakan dilaksanakan di bawah Notis Am UUK 3(1), UUK Perlesenan Penjaja (WPKL) ekoran terdapat aduan ramai penjaja warga asing berniaga di lokasi berkenaan.

"Kawasan operasi meliputi kawasan di sekitar Jalan Danau Saujana dan Desa Setapak.

"Pelbagai barangan disita termasuk meja, kerusi kanopi, dapur, tong gas, payung, tong ais, mesin air batu campur dan kedai," katanya.




*Antara motosikal yang disita ingkar papan tanda larangan parkir motosikal di Jalan P.Ramlee dan Jalan Ampang.* (Foto ihsan DBKL)

TAJUK : 75 PERATUS REMAJA PERNAH TONTON VIDEO, GAMBER LUCAH
HARI : KHAMIS
AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : 13 JUL 2023
M/SURAT : 15
TONE : NEGATIF
SEKTOR : KPWKM

# 75 peratus remaja pernah tonton video, gambar lucah

## Pelaku terdedah gejala seks bebas, berisiko dijangkiti penyakit kelamin

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kira-kira 75 peratus daripada remaja di negara ini dikesan pernah menonton video pornografi atau melihat gambar lucah, sekali gus berisiko terjebak dengan gejala seks bebas dan dijangkiti penyakit kelamin.

Pensyarah di Jabatan Perubatan Keluarga Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Noor Azimah Muhammad, berkata dalam satu kajian akademik yang dijalankan oleh UKM pada 2021 mendapati, kebanyakan yang terbabit adalah remaja lelaki dan terjebak ketika seawal persekolahan menengah lagi.

Lebih membimbangkan, beliau berkata, remaja ini dikesan melakukan aktiviti tidak bermoral itu apabila diberi peluang menggunakan internet di rumah secara bersendirian.

"Menonton pornogarafi ini menyebabkan sebahagian daripada remaja kita mengalami ketagihan yang boleh menyebabkan mereka berisiko melakukan seks bebas dan mengalami jangkitan penyakit kelamin seperti human immunodeficiency virus (HIV) dan sifilis.

"Ia terjadi apabila tiada pemantauan daripada ibu bapa yang terlalu sibuk bekerja dan tiada di rumah," katanya, dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Dr Noor Azimah berkata, pelajar yang menonton video lucah biasanya akan mengamalkan aktiviti seks bebas sejurus melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Terdapat kes seorang pelajar lelaki mengakui menonton lebih 200 video pornografi sehari semata-mata untuk memuaskan keinginan seksualnya. Seterusnya pelajar ini terdedah kepada masturbasi (masturbation) dan akhirnya mengamalkan aktiviti seks bebas ketika menuntut di kolej," katanya.

Katanya, hampir semua remaja ini mengamalkan seks tidak selamat, tanpa kondom atau pencegah kehamilan dan 40 peratus daripada kes HIV baharu adalah membabitkan remaja.

"Ketagihan seksual bermula sejurus aktiviti seksual berlaku. Setelah berasa seronok melakukan aktiviti seksual, mereka ingin melakukannya sekali lagi. Keinginan ini akan berterusan dan berulang-ulang," katanya.

### Aktiviti berisiko tinggi

Kata Dr Noor Azimah, kajian pada pada 2013 terhadap 988 pelajar kolej, mendapati 10 peratus pelajar kolej pernah melakukan aktiviti seksual, manakala lima peratus pula sangat aktif melakukan perbuatan itu.

"Umumnya, aktiviti seksual yang dilakukan oleh remaja adalah berisiko tinggi, dengan mereka cenderung untuk bertukar-tukar pasangan, mengamalkan homoseksual iaitu seks sesama jantina atau biseksual iaitu seks sesama sendiri atau berlainan jantina, tidak menggunakan kondom atau pencegah kehamilan dan di bawah pengaruh alkohol atau dadah.

"Dapatan yang hampir sama dapat dilihat dalam Kajian Morbiditi Kesihatan Kebangsaan 2017 iaitu 7.3 peratus remaja berumur 13 hingga 17 tahun pernah melakukan seks seawal usia kurang dari 14 tahun dan lima peratus aktif melakukan seks," katanya.

Tambahnya, penggunaan internet dan media sosial memudahkan lagi remaja untuk mendapatkan video atau gambar pornografi tanpa dapat dikesan oleh ibu bapa.

"Perbuatan ini disokong dengan adanya kemudahan wifi sama ada di rumah sendiri atau setengah premis yang mana remaja tidak perlu mengeluarkan duit sendiri.

"Hubungan antara media sosial, pornografi dan aktiviti seksual juga bersifat linear. Jiwa remaja yang sentiasa ingin mencuba menyebabkan mereka memilih untuk melakukan amalan terlarang itu," katanya.

Justeru, Dr Noor Azimah berkata, tanggungjawab adalah di bahu ibu bapa yang perlu memainkan peranan utama iaitu menyingkirkan perasaan malu untuk memberikan pendidikan seksual kepada anak mereka di rumah.

"Antara topik yang perlu dijelaskan kepada anak adalah apakah itu seks, seks berisiko, komplikasi seks bebas, jangkitan penyakit kelamin dan kehamilan tanpa dirancang.

"Ibu bapa juga sering menggunakan istilah hubungan kelamin. Namun begitu, remaja mungkin keliru definisi istilah ini dengan istilah seks. Carilah ilmu mengenai perkara itu kerana tiada orang lain yang boleh melakukannya melainkan ibu bapa itu sendiri," katanya.

> "Terdapat kes seorang pelajar lelaki mengakui menonton lebih 200 video pornografi sehari semata-mata untuk memuaskan keinginan seksualnya"



*Dr Noor Azimah Muhammad,*
*Pensyarah di Jabatan Perubatan Keluarga Fakulti Perubatan UKM*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAKAR ISTERI BERANG DITUDUH PENAGIH DADAH | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 13 JUL 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bakar isteri berang dituduh penagih dadah

**Manjung:** Berang dituduh menagih dadah, seorang suami dipercayai membakar isterinya di kediaman mereka di Kampung Bharu di sini, Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Manjung, Asisten Komisioner Mohamed Nordin Abdullah, berkata Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Manjung menerima panggilan daripada seorang wanita memaklumkan tindakan adik lelakinya itu jam 6.42 petang hari kejadian.

Katanya, mangsa berusia 33 tahun dibawa ke Hospital Seri Manjung bagi menerima rawatan tetapi disahkan meninggal oleh pegawai perubatan pada jam 12.20 tengah hari semalam.

"Bedah siasat akan dijalankan esok (hari ini) bagi mengetahui punca kematian. Siasatan awal mendapati suspek tidak berpuas hati dengan mangsa dan keluarga isterinya itu yang menuduh lelaki terbabit mengambil dadah.

"Suspek berusia 28 tahun itu ditahan di sebuah restoran di Lumut di sini, kira-kira jam 11 malam tadi dan polis juga turut merampas bahan bukti," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, suspek direman tujuh hari sehingga 18 Julai depan bagi siasatan lanjut.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GURU TASKA DITUDUH TINGGAL BUDAK AUTISME HINGGA LEMAS | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 13 JUL 2023 | M/SURAT : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Guru Taska dituduh tinggal budak autisme hingga lemas

## Suspek didakwa biarkan mangsa tanpa pengawasan dalam tempoh tidak berpatutan

**Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri**
bhnews@bh.com.my

**Ipoh:** Seorang guru Taska dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini semalam atas dakwaan membiarkan seorang kanak-kanak autisme tanpa pengawasan hingga mengakibatkan mangsa lemas lebih dua bulan lalu.

Tertuduh, S P Esther Christina, 58, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan mengikut Seksyen 33(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 itu dibacakan di hadapan Majistret Jesseca Daimis.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh yang ketika kejadian mempunyai pemeliharaan ke atas V Thanes Nair, 4, meninggalkan kanak-kanak itu tanpa pengawasan dan pemeliharaan untuk satu tempoh tidak berpatutan.

Kesalahan itu dilakukan di kolam renang The Centro Club, Jalan Sri Klebang 2, Bandar Baru Sri Klebang, di sini kira-kira jam 10.20 pagi 17 April lalu.

Dengan itu tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 33(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 yang boleh dihukum mengikut Seksyen sama, yang jika sabit kesalahan memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

### Mohon jaminan maksimum

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nor Syahirah Azahar, manakala tertuduh diwakili peguam Gary Xavier.

Nor Syahirah memohon mahkamah mengenakan jumlah jaminan maksimum ke atas tertuduh sebelum Gary merayu jumlah itu dikurangkan kepada RM2,000.



*Esther Christina dibawa ke Mahkamah Majistret di Ipoh, semalam.*
(Foto L Manimaran/BH)

Gary meminta sedemikian atas alasan anak guamnya kematian suami kira-kira tiga bulan lalu justeru menjadikan dia sebagai pencari nafkah tunggal keluarga dengan memperoleh pendapatan bulanan RM2,200 selain perlu menanggung ibunya.

Mahkamah kemudian menawarkan jaminan RM2,500 dengan seorang penjamin selain menetapkan tarikh 23 Ogos depan untuk sebutan semula kes.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KANAK-KANAK 22 BULAN POSITIF DADAH | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 13 JUL 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kanak-kanak 22 bulan positif dadah

**Taiping:** Polis menahan seorang wanita berusia 21 tahun selepas anak perempuannya yang berusia setahun 10 bulan didapati positif dadah jenis amphetamine dan methamphetamine.

Ketua Polis Daerah Taiping, Asisten Komisioner Razlam Ab Hamid, berkata kes itu terbongkar selepas polis menerima laporan daripada Hospital Taiping kelmarin.

Beliau berkata, pegawai perubatan hospital memaklumkan kanak-kanak itu positif dadah jenis amphetamine dan methamphetamine.

"Terdahulu kita difahamkan kanak-kanak itu dihantar ke rumah neneknya sementara ibunya keluar membeli barangan runcit di kedai berhampiran.

"Ketika hendak tidur, kanak-kanak itu menangis dan menunjukkan tingkah laku tak terkawal dan mangsa dibawa mendapatkan rawatan di Hospital Taiping," katanya dalam kenyataan semalam.

Razlam berkata, polis menahan ibu kanak-kanak itu dan ujian air kencing dijalankan ke atasnya mendapati dia positif dadah jenis methamphetamine.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KETUA POLIS KL SELAMI KESULITAN OKU PENGLIHATAN DI BRICKFIELDS | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 13 JUL 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*Mohd Shuhaily bersama pegawainya menguji sendiri laluan pejalan kaki dalam keadaan mata ditutup di sekitar Jalan Thambipillay dekat Brickfields, semalam. Gambar kanan Mohd Shuhaily menyantuni warga OKU Penglihatan pada program santuni warga OKU penglihatan bersama Ketua Polis Kuala Lumpur.* (Foto Hazreen Mohamad/BH)

# Ketua Polis KL selami kesulitan OKU penglihatan di Brickfields

## Masyarakat diminta lebih bertanggungjawab jaga kemudahan disediakan untuk golongan buta

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Demi menyelami kesulitan Orang Kurang Upaya (OKU) khususnya golongan cacat penglihatan atau buta, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mohd Shuhaily Mohd Zain, bersama beberapa pegawainya menguji sendiri laluan pejalan kaki dalam keadaan mata ditutup di sekitar Jalan Thambipillay dekat Brickfields, semalam.

Dalam tinjauan itu, Shuhaily bersama Pemangku Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, Senior Asisten Komisioner Habibi Majinji dan pegawai kanan lain menggunakan tongkat berjalan melalui laluan 'tactiles' khusus bagi OKU penglihatan.

Berkongsi pengalaman selepas tinjauan itu, Mohd Shuhaily meminta masyarakat lebih bertanggungjawab dalam menjaga dan menghormati kemudahan disediakan untuk golongan ini.

"Saya dapati masih ada pihak menghalang laluan dikhaskan kepada golongan OKU dengan meletakkan kenderaan di situ.

"Cuba bayangkan apabila motosikal dalam keadaan ekzos masih panas diletakkan di tempat laluan orang buta dan ini akan menyebabkan mereka cedera.

"Bayangkan jika keadaan ini dialami ahli keluarga, saudara kita yang mungkin OKU penglihatan, adakah kita sanggup menghalang kemudahan disediakan buat mereka," katanya.

Mohd Shuhaily berkata, pematuhan undang-undang oleh pengguna jalan raya adalah kejayaan dalam mendidik diri berdisiplin dan mengamalkan pemanduan berhemah serta selamat.

### 26,506 saman dikeluarkan

Sementara itu, sebanyak 26,506 saman pelbagai kesalahan dikeluarkan dalam tempoh sembilan hari Ops Hormat Undang-undang Jalan Raya Polis Kuala Lumpur digerakkan bermula 1 Julai lalu.

Kesalahan halangan lalu lintas adalah kesalahan tertinggi dilakukan pengguna jalan raya dengan 18,931 saman dikeluarkan.

Mohd Shuhaily berkata, kesalahan meletakkan kenderaan di laluan pejalan kaki (1,931), tiada lesen memandu warga tempatan (1,280), melanggar lampu isyarat merah (478), nombor plat ubah suai (299), berhenti di petak kuning (216) dan kesalahan lain (3,217).

Ketika ini, katanya, Polis Kuala Lumpur menerima maklum balas positif daripada masyarakat berkaitan Op Hormat Undang-Undang Jalan Raya.

"Pengguna jalan raya dinasihatkan tidak mengabaikan tanda lalu lintas demi keselamatan semua pihak.

"Seramai 800 pegawai dan anggota Polis Kuala Lumpur melaksanakan operasi ini 24 jam sehari sehingga 31 Julai ini," katanya.

Sepanjang operasi itu juga polis sudah menahan 86 individu atas pelbagai kesalahan jenayah dan trafik selain turut menyita 99 kenderaan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TREND WANITA KAHWIN LAMBAT | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 13 JUL 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Trend wanita kahwin lambat

## Tiada calon sesuai, masalah kewangan antara faktor lewat berumah tangga

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Trend kahwin lewat dan hidup bersendirian dalam kalangan wanita Malaysia semakin membimbangkan, sekali gus memberi implikasi terhadap tahap kesuburan serta sukar mendapatkan zuriat.

Mengikut data Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan wanita dalam kumpulan usia 25 hingga 29 tahun yang belum berkahwin meningkat 37.8 peratus pada 2010 berbanding 29.8 peratus pada 2000.

Kajian diterbitkan dalam jurnal *Institutions and Economies*, pada Oktober 2021 bertajuk *Correlates and Consequences of Delayed Marriage in Malaysia* hasil kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan Universiti Malaya, pula mendedahkan wanita cenderung berkahwin kali pertama pada usia lewat 20-an.

Ketua Pengarah LPPKN, Abdul Shukur Abdullah, berkata data itu berdasarkan penemuan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) dijalankan mereka pada 2014.

Katanya, wanita secara purata berkahwin pada usia 26.2 tahun dan trend itu dilihat berdasarkan statistik umur perkahwinan pertama dari 1970 hingga 2014.

"Berdasarkan laporan KPKM-5, wanita cenderung berkahwin awal pada 1970-an, iaitu umur berkahwin adalah 22.1 tahun.

"Bagaimanapun, ia terus meningkat tahun demi tahun, pada 1980, iaitu purata usia wanita berkahwin adalah 23.5, kemudian 1991 (24.8), 2000 (25.1) dan 2010 (25.7)," katanya kepada BH.

Dalam kajian itu, secara purata, lelaki bujang berpendapat mereka ingin berkahwin pada usia 32 tahun sementara perempuan bujang memilih usia 30 tahun.

Katanya, tiga sebab utama wanita memilih untuk lewat berkahwin.

"Tiada calon sesuai menjadi faktor tertinggi, iaitu satu pertiga atau 35.7 peratus, diikuti masalah kewangan ( 26 peratus) dan ingin menumpukan kepada kemajuan kerjaya ( 18.1 peratus).

"Wanita lebih berpendidikan dan berkemahiran tinggi, berada dalam pasaran pekerjaan antara punca mereka sukar mencari pasangan sesuai, sekali gus menyebabkan lewat berkahwin," katanya.

Berikutan trend kahwin lewat ini berlanjutan ia memberi implikasi terhadap tahap kesuburan, menjejas dan menjadikan tempoh reproduktif wanita berkurangan.

"Usia reproduktif wanita selama 34 tahun. Mereka dianggap masih subur dan berkemampuan melahirkan anak antara usia 15 hingga 49 tahun, namun tahap kesuburan akan menurun (fungsi kilang telur menurun) sejajar dengan peningkatan umur.

"Bagaimanapun, statistik melalui kajian LPPKN (KPKM-5, 2014) mendapati wanita secara purata berkahwin pada usia 26.2 tahun dan ini menjadikan tempoh reproduktif wanita berkurang daripada 27 tahun pada 1970 kepada 23 tahun (2014)," katanya.

Beliau menegaskan, tempoh reproduktif yang semakin singkat berupaya juga akan mempengaruhi bilangan kelahiran anak.

Menurutnya, kajian sama melaporkan wanita berkahwin dalam lingkungan usia 20 hingga 22 tahun akan memperoleh secara purata 3.52 orang anak.

Sebaliknya, mereka berkahwin pada umur 26 tahun secara purata hanya memiliki 2.21 orang anak.

Memperincikan implikasi apabila lebih ramai masyarakat khususnya wanita lambat berkahwin, ia jelas turut memberi tempias kepada perubahan sosioekonomi, struktur berkeluarga, kependudukan dan negara.

"Disebabkan itu, LPPKN giat menjalankan program advokasi berhubung pentingnya perkahwinan. Kita tak mahu ada yang tak nak berkahwin kerana bimbang angka perceraian tinggi, isu kos hidup tinggi seperti perbelanjaan menghantar anak ke pusat asuhan harian," katanya.

| Umur | 15-19 | 20-24 | 25-29 | 30-34 | 35-39 | 40-44 | 45-49 | *TFR |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1991 | 0.020 | 0.130 | 0.208 | 0.169 | 0.103 | 0.038 | 0.004 | 3.360 |
| 2000 | 0.012 | 0.092 | 0.189 | 0.164 | 0.098 | 0.033 | 0.003 | 2.955 |

Sumber: Jabatan Statistik Malaysia

* Kadar kesuburan jumlah

**Umur Minimum Perkahwinan Pertama, 1970-2014**

| | ♂ | ♀ |
|---|---|---|
| 1970 | 25.5 | 22.0 |
| 1980 | 26.5 | 23.5 |
| 1991 | 27.8 | 24.8 |
| 2000 | 28.6 | 25.1 |
| 2010 | 28.0 | 25.7 |
| 2010 | 29.3 | 26.2 |

(KPKM-5, LPPKN)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan LPPKN

"Usia reproduktif wanita selama 34 tahun. Mereka dianggap masih subur dan boleh melahirkan anak antara usia 15 hingga 49 tahun, namun tahap kesuburan akan menurun"



*Abdul Shukur Abdullah*
*Ketua Pengarah LPPKN*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'RATAH' ANAK SAMPAI HAMIL | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 13 JUL 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Ratah' anak sampai hamil

***Bapa durjana noda dua cahaya mata remaja berusia 12 dan 15 tahun sejak 2017***

**Oleh Alias Abd Rani**
am@hmetro.com.my

**Muar**

Gelaran bapa durjana layak diberikan seorang lelaki kerana sanggup 'meratah' dua anak kandungnya sejak enam tahun lalu hingga salah seorang daripada mereka hamil.

Lelaki berusia 53 tahun itu dipercayai merogol kedua-dua anaknya berusia 12 dan 15 tahun sejak 2017 di sebuah rumah dekat Jeram di sini.

Suspek didakwa merogol salah seorang mangsa sejak mereka berusia sembilan tahun dan perbuatan itu dikatakan kerap kali berlaku di rumahnya.

Sepanjang tempoh berkenaan, dua beradik itu dipercayai sering dijadikan hamba seks bapa mereka dengan kejadian terakhir berlaku awal bulan ini.

Difahamkan, mangsa tidak berani menceritakan kejadian terbabit kepada sesiapa sehinggalah perbuatan keji bapanya terbongkar Isnin lalu selepas mangsa berusia 15 tahun mengadu sakit dada sebelum menjalani pemeriksaan di hospital.

Ketua Polis Daerah Muar, Asisten Komisioner Raiz Mukhliz Azman Aziz, berkata hasil pemeriksaan pegawai perubatan mendapati mangsa sebenarnya sedang hamil.



*Suspek direman seminggu dan polis sedang merekodkan keterangan mangsa untuk melengkapkan siasatan"*

**Raiz Mukhliz**

Beliau berkata, berikutan itu satu laporan polis dibuat dan suspek ditangkap semalam untuk siasatan lanjut.

"Suspek direman seminggu dan polis sedang merekodkan keterangan mangsa untuk melengkapkan siasatan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 30 tahun dan maksimum 10 sebatan jika sabit kesalahan," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 75 PERATUS GAGAL KAWAL DIRI | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 13 JUL 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

REMAJA KETAGIHAN PORNOGRAFI

# 75 peratus gagal kawal diri

**Kuala Lumpur**

Remaja di Malaysia dikesan begitu berisiko terjebak dengan gejala seks bebas dan dijangkiti penyakit kelamin akibat ketagihan pornografi.

Dalam satu kajian akademik yang dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2021 mendapati sebanyak 75 peratus daripada remaja di negara ini dikesan pernah menonton video atau melihat gambar pornografi.

Pensyarah di Jabatan Perubatan Keluarga Fakulti Perubatan UKM Prof Madya Dr Noor Azimah Muhammad berkata, kebanyakan yang terbabit adalah remaja lelaki dan terjebak seawal di peringkat sekolah menengah.

Menurutnya, lebih membimbangkan, remaja ini dikesan melakukan aktiviti tidak bermoral itu apabila diberi peluang menggunakan Internet di rumah secara bersendirian.

"Menonton pornografi ini menyebabkan sebahagian dari remaja kita mengalami ketagihan yang boleh menyebabkan mereka berisiko melakukan seks bebas dan mengalami jangkitan penyakit kelamin seperti human immunodeficiency virus (HIV) dan siflis.

"Ia terjadi apabila tiada pemantauan daripada ibu bapa yang terlalu sibuk bekerja dan tiada di rumah," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Dr Noor Azimah berkata, pelajar yang menonton video lucah kebiasaannya akan mengamalkan aktiviti seks bebas sejurus melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Terdapat kes seorang pelajar lelaki mengakui menonton lebih 200 video pornografi sehari semata-mata untuk memuaskan keinginan seksualnya. Pelajar ini terdedah kepada masturbasi dan akhirnya mengamalkan aktiviti seks bebas semasa menuntut di kolej," katanya.

Katanya, hampir kesemua remaja ini mengamalkan seks tidak selamat, tanpa kondom atau pencegah kehamilan dan 40 peratus daripada kes HIV baharu adalah membabitkan remaja.

"Ketagihan seksual bermula sejurus aktiviti seksual berlaku. Setelah berasa seronok melakukan aktiviti seksual, mereka ingin melakukannya sekali lagi. Keinginan ini akan berterusan dan berulang-ulang," katanya.

Katanya, kajian pada 2013 terhadap 988 pelajar kolej, mendapati 10 peratus daripada mereka pernah melakukan aktiviti seksual manakala lima peratus pula sangat aktif melakukan perbuatan itu.

"Umumnya, aktiviti seksual yang dilakukan oleh remaja adalah berisiko tinggi, dengan mereka cenderung untuk bertukar-tukar pasangan, mengamalkan homoseksual iaitu seks sesama jantina atau biseksual iaitu seks sesama sendiri atau berlainan jantina, tidak menggunakan kondom atau pencegah kehamilan dan di bawah pengaruh alkohol atau dadah.

"Dapatan yang hampir sama dapat dilihat dalam Kajian Morbiditi Kesihatan Kebangsaan 2017 iaitu 7.3 peratus remaja berusia 13 hingga 17 tahun pernah melakukan seks seawal usia kurang 14 tahun dan lima peratus aktif melakukan seks," katanya.

Katanya, penggunaan internet dan media sosial memudahkan lagi remaja untuk mendapatkan video atau gambar pornografi tanpa dapat dikesan oleh ibu bapa.

"Perbuatan ini disokong dengan adanya kemudahan wifi sama ada di rumah sendiri atau sesetengah premis yang mana remaja tidak perlu mengeluarkan duit sendiri.

"Hubungan antara media sosial, pornografi dan aktiviti seksual juga bersifat linear. Jiwa remaja yang sentiasa ingin mencuba menyebabkan mereka memilih untuk melakukan amalan terlarang itu," katanya.

Justeru, Dr Noor Azimah berkata, tanggungjawab terletak di bahu ibu bapa yang perlu memainkan peranan utama iaitu menyingkirkan perasaan malu untuk memberikan pendidikan seksual kepada anak mereka di rumah.

"Antara topik yang perlu dijelaskan kepada anak-anak adalah apakah itu seks, seks berisiko, komplikasi seks bebas, jangkitan penyakit kelamin dan kehamilan tanpa di rancang," katanya.



*"Setelah berasa seronok melakukan aktiviti seksual, mereka ingin melakukannya sekali lagi"*
Dr Noor Azimah

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BEBAS TUDUHAN AMANG SEKSUAL | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 13 JUL 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




MAHKAMAH Tinggi mengekalkan keputusan Mahkamah Sesyen yang membebaskan Zainuren (tengah) daripada pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap empat pelajar lelaki pada 2018.

# Bebas tuduhan amang seksual

## *Mahkamah kekal keputusan bebas bekas pengetua daripada tuduhan amang seksual ke atas empat pelajar*

Bernama

**Butterworth**

Mahkamah Tinggi di sini, semalam mengekalkan keputusan Mahkamah Sesyen yang membebaskan seorang bekas pengetua sebuah sekolah menengah daripada pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap empat pelajar lelaki pada 2018.

Keputusan itu dibuat oleh Hakim Fathiyah Idris terhadap Zainuren Mohamed, 59, selepas berpuas hati dengan hakim perbicaraan yang sebelum ini membuat penelitian yang maksimum dan sewajarnya atas kesemua keterangan saksi pendakwaan.

"Meneliti keterangan saksi pendakwaan keenam (SP6) dalam pemeriksaan utama dan balas bercanggah - wujud dakwaan siri kejadian amang seksual, tetapi apabila disoal balas SP6 mengakui kejadian-kejadian tidak berlaku.

"Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa perkara ini hanya boleh dikenal pasti oleh SP6, namun SP6 sendiri tidak dapat memastikan perkara berikut. Terdapat percanggahan dalam keterangan SP6," katanya semasa membacakan keputusan, semalam.

Katanya, pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap Zainuren.

Kes itu dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Shahrezal Mohd Shukri, manakala tertuduh diwakili peguam E Gnasegaran, Audrey Wee Li Ye dan Vikneshwaran Sehgar.

Sebelum ini, Mahkamah Sesyen di sini membebaskan Zainuren daripada pertuduhan berkenaan pada 24 Mei tahun lalu.

> *Wujud dakwaan siri kejadian amang seksual, tetapi apabila disoal balas SP6 mengakui kejadian-kejadian tidak berlaku"*
>
> ***Fathiyah***

Pada Januari 2019, tertuduh mengaku tidak bersalah bagi dakwaan melakukan amang seksual fizikal terhadap empat pelajarnya berusia 11, 13 dan 14 tahun serta meminta dibicarakan bagi pertuduhan berkenaan.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di bilik khas pengetua dan asrama di sebuah sekolah di Butterworth antara pukul 4 petang hingga 11.40 malam pada 6 April hingga 10 Oktober 2018.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DUA TUKANG URUT TAWAR SEKS KEPADA POLIS DIDENDA RM2,000 | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 13 JUL 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Dua tukang urut tawar seks kepada polis didenda RM2,000

**Petaling Jaya:** Padah menawarkan perkhidmatan seks kepada anggota polis, dua ibu tunggal masing-masing dijatuhi hukuman denda RM2,000 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Majistret Zhafran Rahim Hamzah memutuskan hukuman berkenaan selepas dua tukang urut warga Vietnam, Tu Dong Thuy Hoa dan Thi Lan Giang, kedua-duanya berusia 33 tahun mengaku bersalah atas tuduhan terbabit.

Mahkamah juga mengarahkan kedua-dua tertuduh dipenjara dua bulan jika gagal membayar denda berkenaan.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua tertuduh didakwa mencari langganan bagi persundalan dengan menawarkan perkhidmatan seks kepada seorang anggota polis di sebuah bilik hotel di Taman Equine, Seri Kembangan, jam 6 petang, 27 Jun lalu.

Oleh itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 372B Kanun Keseksaan yang membawa kepada hukuman penjara maksimum setahun atau denda atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Terdahulu, peguam yang mewakili kedua-dua tertuduh, M S Jasmine Faith memohon hukuman berbentuk denda atas alasan anak guamnya berjanji tidak akan mengulangi kesalahan sama.

"Dua anak guam masing-masing perlu tanggung seorang anak berusia lima dan 10 tahun serta memohon maaf atas perbuatan itu.

"Anak guam direman selama 15 hari sejak ditangkap selepas bekerja selama dua hari sebagai tukang urut, ia menjadi pengajaran kepada mereka," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya, Siti Maryam Jamilah Md Kamal, memohon hukuman setimpal sebagai pengajaran kepada tertuduh.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LANJUT 7 HARI REMAN ABANG CEKIK ADIK | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 13 JUL 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




LAPORAN Harian Metro, 7 Julai lalu.

# Lanjut 7 hari reman abang cekik adik

**Melaka:** Tempoh reman seorang remaja lelaki yang dipercayai mencekik adiknya hingga mati dalam kejadian di Kampung Bukit Piatu dilanjutkan tujuh hari lagi sehingga 19 Julai depan.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Sharda Shienha Mohd Suleiman, di Mahkamah Majistret Ayer Keroh, di sini, mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah selepas dipohon polis bagi melengkapkan siasatan.

Juvana berusia 14 tahun yang juga pelajar sekolah Arab dekat Alor Gajah sebelum ini direman tujuh hari berakhir hari ini dan disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Media sebelum ini melaporkan kanak-kanak lelaki berusia sembilan tahun maut itu dipercayai dicekik oleh abangnya dalam kejadian di rumah mereka, kira-kira 12 tengah hari pada 5 Julai lalu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NODA ANAK TIRI: MAHKAMH TINGGI TOLAJ RAYUAN SEORANG PENIAGA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 13 JUL 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Noda anak tiri: Mahkamah Tinggi tolak rayuan seorang peniaga

**Muar:** Mahkamah Tinggi di sini, semalam mengekalkan hukuman penjara 30 tahun serta 24 sebatan selepas menolak rayuan seorang peniaga yang disabitkan kesalahan merogol anak tiri hingga mengandung pada tahun lalu.

Lelaki berusia 43 tahun itu sebelum ini didapati bersalah atas tiga pertuduhan merogol anak tirinya yang ketika itu berusia 15 tahun tujuh bulan pada 2020.

Berikutan itu, Mahkamah Sesyen Batu Pahat pada 23 Jun 2022 mensabitkan tertuduh dan dikenakan hukuman penjara 10 tahun penjara dan 10 sebatan masing-masing bagi pertuduhan pertama dan kedua manakala pertuduhan ketiga, 10 tahun penjara serta empat sebatan.

Mahkamah ketika itu juga mengarahkan tertuduh menjalani hukuman secara berasingan bermula tarikh ditangkap 26 Ogos 2020.

Mahkamah pada masa itu juga mengarahkan tertuduh supaya menjalani kaunseling pemulihan di bawah peruntukan Seksyen 295A Kanun Tatacara Jenayah serta diletakkan di bawah pengawasan polis bagi tempoh selama dua tahun sebaik selesai menjalani hukuman mengikut Seksyen 295 (1A) kanun sama.

Tertuduh kemudian mengemukakan rayuan di Mahkamah Tinggi untuk membolehkan hukuman itu diringankan serta dijalankan secara serentak.

Bagaimanapun, Hakim Datuk Wira Halijah Abbas membuat keputusan dalam kamar menolak rayuan itu dengan alasan mahkamah bersetuju dengan hukuman dikenakan Mahkamah Sesyen terhadap tertuduh yang kini menjalani hukuman di Penjara Sungai Udang, Melaka.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEMBANTU JURULATIH SILAT MENGAKU ROGOL KENALAN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 13 JUL 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pembantu jurulatih silat mengaku rogol kenalan

**Muar:** Seorang pembantu jurulatih silat mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga pertuduhan melakukan amang seksual serta merogol kenalan bawah umur dalam tandas sekolah di Bukit Naning, dekat sini, pada Mei dan Jun lalu.

Tertuduh berusia 19 tahun itu membuat pengakuan sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh didakwa merogol kenalan berusia 16 tahun dalam tandas perempuan sekolah terbabit pada jam 1.30 tengah hari 2 Jun lalu.

Pertuduhan kedua dan ketiga pula, dia didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa sama pada jam 2 petang, 12 Mei dan 1.30 tengah hari, 2 Jun lalu di tempat sama.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 30 tahun serta tidak kurang 10 sebatan. Bagi kes amang seksual fizikal, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama.

Dia boleh dikenakan penjara sehingga 20 tahun serta sebatan, jika sabit kesalahan. Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh diwakili Safiah A Aziz. Mahkamah menetapkan 10 Ogos depan untuk laporan sosial dan sebutan semula kes.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POTENSI MASALAH MENTAL | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 13 JUL 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

Melaka

# Potensi masalah mental

## *Mangsa buli boleh hidap gangguan stres pascatrauma jika dibuli dalam tempoh lama*

Mangsa buli berpotensi untuk berdepan gangguan stres pascatrauma (PTSD) selain kemurungan, kebimbangan dan serangan panik.

Pakar Perunding Psikiatri Mahkota Medical Centre Dr David Yeoh Boon Beng berkata, gangguan itu berlaku apabila mangsa mengalami masalah mental berikutan diperlakukan dengan buruk oleh pembuli yang mendorong perubahan sikap dan tingkah laku mangsa.

Menurutnya, keadaan itu boleh berlaku jika mangsa dibuli dalam tempoh masa yang lama.

"Selalunya mangsa buli ini juga akan mengalami perubahan seperti tiada mood, tak lalu makan, kurang atau tidak bergaul dengan rakan sebaya, malah mengalami mimpi buruk ketika sedang tidur.

"Tempoh perubahan sikap ini sukar untuk ditentukan kerana tiada ukuran yang jelas namun ia selalu terjadi selepas beberapa minggu atau bulan seseorang itu dibuli," katanya, semalam.

Justeru, beliau berkata ibu bapa dan masyarakat sekeliling perlu mengambil cakna jika melihat sebarang perubahan tingkah laku seseorang individu dan menghulurkan sokongan bagi membantu memulihkan mangsa.

"Ibu bapa perlu berbincang dengan anak mereka jika tahu dia menjadi mangsa buli di sekolah.

"Perjumpaan dengan guru juga perlu dilakukan agar perkara berkenaan tidak akan berulang sehingga boleh menjejaskan kesihatan mental anak-anak mereka.

"Mangsa juga perlu menjalani rawatan terapi dengan pakar perubatan sehingga dia sendiri dapat berdepan masalah dihadapinya," katanya.

Baru-baru ini, media melaporkan seorang remaja lelaki berusia 14 tahun dipercayai mencekik adik lelakinya berusia sembilan tahun sehingga mati dalam kejadian di sebuah rumah di Kampung Bukit Piatu di sini,

Remaja terbabit yang juga pelajar sebuah sekolah Arab di Alor Gajah itu dikatakan berubah sikap selepas menjadi mangsa buli di sekolahnya sejak tahun lalu.

Remaja itu direman selama tujuh hari bermula Khamis lepas hingga semalam. - Bernama

> *Ibu bapa perlu berbincang dengan anak mereka jika tahu dia menjadi mangsa buli di sekolah"*
>
> **Dr David**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TAK MENGAKU ABAI BUDAK HINGGA LEMAS | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 13 JUL 2023 | M/SURAT : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |



ESTHER (tengah) didakwa di Mahkamah Majistret atas pertuduhan mengabaikan seorang kanak-kanak istimewa di bawah jagaannya sehingga menyebabkan mangsa mati lemas pada April lalu.

# Tak mengaku abai budak hingga lemas

## *Guru taska mengaku tidak bersalah atas kematian budak autisme*

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

**Ipoh**

Seorang guru taska dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas dakwaan meninggalkan kanak-kanak autisme berusia empat tahun tanpa pengawasan, April lalu.

Mangsa V Thanes Nair, 4, disahkan meninggal dunia pada 17 April lalu.

Tertuduh, S P Esther Christina, 58, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan hadapan Majistret Jesseca Daimis. Tertuduh didakwa meninggalkan kanak-kanak itu tanpa pengawasan dan pemeliharaan yang untuk satu tempoh yang tidak berpatutan.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di kolam renang The Centro Club, Jalan Sri Klebang 2, Bandar Baru Sri Klebang, di sini kira-kira jam 10.20 pagi 17 April lalu.

Bagi perbuatan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 33(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 yang boleh dihukum mengikut Seksyen yang sama yang jika sabit kesalahan memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

> **RM20k**
> Jumlah denda dihadapi tertuduh jika didapati bersalah

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nor Syahirah Azahar manakala tertuduh diwakili peguam Gary Xavier.

Nor Syahirah memohon mahkamah mengenakan jaminan maksimum terhadap tertuduh sebelum Gary merayu jumlah itu dikurangkan kepada RM2,000.

Gary dalam rayuannya berkata, anak guamnya kematian suami kira-kira tiga bulan lalu, justeru, menjadikan dia sebagai pencari nafkah tunggal keluarga dengan memperoleh pendapatan bulanan RM2,200 selain perlu menanggung ibunya yang berusia 80 tahun.

Mahkamah membenarkan jaminan sebanyak RM2,500 dengan seorang penjamin selain menetapkan 23 Ogos depan untuk sebutan semula kes.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TANGGUH BELAJAR DEMI DIRI, IBU, ABANG | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 13 JUL 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |



HANISYA mengusap kepala ibunya yang terlantar sambil diperhatikan Hilman.

# Tangguh belajar demi diri, ibu, abang

**Tanah Merah:** Hanisya Azureen Huzaimi, 22, memang anak yang baik, malah dia yang menghidap masalah kemurungan sanggup menangguhkan pengajian semata-mata mahu menjaga ibu yang diserang angin ahmar serta abang yang menghidap sawan.

"Ibu, Rosydiah Rashidi, berusia 48 tahun diserang angin ahmar sejak lapan tahun lalu. Keadaan kesihatannya semakin teruk, malah kini dia hanya terlantar.

"Manakala abang, Hilman Zameer Huzaimi, berusia 23 tahun sentiasa dalam pengawasan kerana boleh diserang sawan pada bila-bila masa sahaja.

"Hati tidak tenang memikirkan ibu dan abang di rumah, ditambah masalah kemurungan saya alami. Jadi, saya mahu berada di rumah sambil merawat masalah kesihatan yang saya alami, serta menjaga mereka berdua," kata Hanisya Azureen ditemui di rumah keluarganya di Kampung Manal di sini, semalam.

"Sebelum ini, jika saya ke kolej, ibu dan abang dijaga abah, Huzaimi Zakaria, berumur 51 tahun, sekali gus menyukarkan abah keluar bekerja," katanya.

Dia ditemui pada kunjungan wakil Thirdforce di bawah Yayasan Raja Shamri (YRS), Tuan Zaimah Raja Omar, yang menyampaikan sumbangan kewangan dan barangan keperluan asas.

Untuk rekod, Hanisya Azureen menuntut di semester tiga Diploma Seni Bina di Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Pasir Mas dekat sini.

Kata Hanisya Azureen, dia tiada pilihan selain menangguhkan pengajian kerana hanya dia sahaja yang ada untuk menjaga dua ahli keluarganya itu.

Menurutnya, ia susulan masalah tekanan dan kemurungan dialami sejak tiga tahun lalu, malah dia masih memerlukan rawatan serta mengambil ubat setiap hari.

"Kami sekeluarga hidup kais makan makan pagi, kais petang makan petang. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menghulur bantuan bulanan masing-masing RM300 kepada ibu dan abang.

"Abah bekerja ambil upah memotong rumput dengan pendapatan tidak menentu. Kami memerlukan RM1,000 sebulan untuk keperluan lampin pakai buang dan susu khas buat ibu.

